

# SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

## **BIMB LULUS KEMUDAHAN PEMBIAYAAN BERNILAI RM360 JUTA UNTUK PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN**

**KUALA LUMPUR, Ahad, [28 November 2021]:** Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam atau Bank") baru-baru ini meluluskan kemudahan pembiayaan berjumlah RM360 juta untuk Pharmaniaga Berhad ("Pharmaniaga") dan Selgate Healthcare Sdn Bhd ("Selgate") untuk perolehan, pengeluaran dan pengedaran vaksin COVID-19 sebagai sokongan kepada Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Pihak Bank sentiasa bersedia untuk memberi sokongan yang diperlukan pelanggan kami. Ia termasuk meluluskan kemudahan pembiayaan dengan terma dan syarat fleksibel bagi membantu syarikat terlibat dalam rantaian bekalan berkaitan COVID-19 untuk mendapatkan bekalan yang diperlukan. Pada masa sekarang, pendedahan Bank terhadap industri penjagaan kesihatan berjumlah lebih RM250 juta. Kami juga menyediakan kemudahan kewangan kepada syarikat dengan keperluan segera untuk melawan pandemik ini secara efektif."

"Ekonomi Malaysia dijangka bertambah baik dengan peluasan lebih banyak aktiviti ekonomi, terutamanya dengan kebenaran rentas negeri dan perjalanan ke luar negara. Walau bagaimanapun, ancaman jangkitan COVID-19 masih berlaku kerana jumlah kes positif dalam negara masih tinggi. Dengan pengenalan suntikan penggalak untuk membendung penularan wabak virus ini dengan lebih baik, Bank Islam berbesar hati untuk membiayai kedua-dua Pharmaniaga dan Selgate untuk membekalkan vaksin diperlukan. Sebagai sebuah Bank yang Mendahulukan Kemakmuran untuk Semua, Bank Islam komited untuk memelihara keperluan kewangan pelanggan yang pelbagai dan menyumbang kepada keselamatan kesihatan negara," tambah Muazzam.

Pengarah Urusan Kumpulan Pharmaniaga, Datuk Zulkarnain Md Eusope, berkata, "Kami bersedia untuk menyediakan vaksin COVID-19 jenis Sinovac kepada kerajaan negeri dan sektor swasta sebaik sahaja kebenaran diperoleh daripada Pihak Berkusa Kawalan Dadah, sebagai dos penggalak. Syarikat menjangkakan permintaan daripada pelbagai sektor dalam mendapatkan dos suntikan penggalak untuk membantu merangsang pertumbuhan ekonomi sebagai sebahagian daripada Pelan Pemulihan Negara."

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan SELGATE Corporation, Noor Hisham Mohd Ghouth, berkata, "Kemudahan pembiayaan daripada Bank Islam amat membantu, terutama dalam krisis semasa dimana kecairan kekal sebagai kunci utama dalam menjaga kehidupan rakyat. Berikutan kejayaan memvaksinasi lebih 90% populasi dewasa pada Oktober 2021, kami sedang bersiap sedia untuk menyediakan dos suntikan penggalak kepada penerima vaksin Sinovac sebelum ini melalui program SELVAX dan mana-mana individu berumur lebih 18 tahun yang ingin mendapatkan dos suntikan penggalak. Kami juga terbuka kepada pembelian pukal vaksin daripada klinik dan hospital swasta."

---

#### **Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, Bank Islam mempunyai 141 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sendirian Berhad.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di 03-26 900 900

#### **Mengenai SELGATE Corporation Sdn Bhd**

Ditubuhkan pada 2015, SELGATE Corporation Sdn Bhd (SELGATE) merupakan anak syarikat milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS). Kumpulan membayangkan kedudukannya sebagai tunjang industri penjagaan kesihatan Selangor yang khusus dalam penjagaan kesihatan termasuk hospital, klinik dan farmasi dengan visi untuk menyediakan penjagaan berkualiti mampu milik.

Perniagaan SELGATE dibahagikan kepada dua bahagian utama: Penjagaan Kesihatan dan Hartanah dengan aspirasi untuk memberi nilai kepada ekonomi negeri untuk manfaat kawasan-kawasan takluk dan komuniti bersasar secara umumnya. Kumpulan juga menceburii bidang fintech melalui pelaburannya dalam Selangkah, alat komprehensif yang mempelopori pengesanan kontak di Malaysia dan telah berkembang secara konsisten dengan ciri-ciri komersial selaras dengan tindak balas masyarakat terhadap pandemik COVID-19.

#### **MENGENAI PHARMANIAGA BERHAD**

Pharmaniaga Berhad adalah ahli Kumpulan Boustead dan merupakan sebuah syarikat perkhidmatan kesihatan bersepadu yang terbesar di Malaysia. Tersenarai di Bursa Malaysia, teras perniagaan Kumpulan Pharmaniaga adalah logistik dan pengedaran produk farmaseutikal; pembuatan produk farmaseutikal generik dan peranti perubatan; pemasaran dan jualan; penyelidikan dan pembangunan; pembekal dan pemasangan peralatan perubatan, serta farmasi komuniti. Dengan kekuatan dan kepakaran merentasi rantai perkhidmatan kesihatan, operasi perniagaan Kumpulan Pharmaniaga berkembang teguh di Malaysia dan meluaskan pasaran dengan membina tapak di Indonesia dan Vietnam, sekaligus mengukuhkan kedudukan syarikat sebagai peneraju serantau dalam arena farmaseutikal antarabangsa.

Keterangan lanjut mengenai siaran media ini, sila hubungi:

<b>ROHAZIDA MOHAMED</b> Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tel. bimbit: 012-231 8602	<b>OMAR ATIN</b> Pengurus Kanan Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tel. bimbit: 019-391 9144
--	---

Emel: [rozahidam@bankislam.com.my](mailto:rozahidam@bankislam.com.my)

Emel: [omar@bankislam.com.my](mailto:omar@bankislam.com.my)

**Naim Zulkifli**  
Assistant Manager,  
Marketing and Communications  
SELGATE Corporation  
Mobile: 011-11595855  
Email: [naim@selgatecorporation.com](mailto:naim@selgatecorporation.com)

**Alia Amira Zulkhairi**  
Senior Executive  
Marketing and Communications  
SELGATE Corporation  
Mobile: 012-829 8255  
Email: [a.amira@selgatecorporation.com](mailto:a.amira@selgatecorporation.com)

**Dato' Zuhri Iskandar Kamarzaman**  
Deputy Director  
Corporate Services  
Pharmaniaga Berhad  
Tel: +603-3342 9999 ext 434  
Fax: +603-3342 6629  
Email: [zuhri@pharmaniaga.com](mailto:zuhri@pharmaniaga.com)